AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 3 PRINTED SIZE: 371.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,006.00 ITEM ID: MY0071313908



29 SEP, 2026

Pengiktirafan terhadap kepakaran dan sumbangan UMS

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Pengiktirafan terhadap kepakaran dan sumbangan UMS

Pembukaan Pusat Kerjasama WHO Malaria Zoonotik merupakan pencapaian penting bagi UMS dan Sabah, kata Hajiji

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor menyifatkan pembukaan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai satu pencapaian penting bagi Sabah.

Katanya, pembukaan pusat itu turut mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria, khususnya kajiannya mengenai Plasmodium knowlesi.

"Ia merupakan satu pencapaian yang bukan sahaja membawa pengiktirafan kepada UMS, tetapi juga kepada Sabah dan Malaysia," katanya pada majlis perasmian di Galeri Majlis Bangunan Canselori UMS di sini semalam. Ucapan beliau disampaikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Ceasar Mandela Malakun.

Hajiji berkata, Malaysia mencatat kemajuan yang amat memberangsangkan dalam kawalan dan penghapusan malaria, termasuk berjaya memutuskan penularan tempatan parasit malaria manusia.

Namun katanya, 'Plasmodium knowlesi' membawa cabaran yang berbeza dan penularannya melibatkan interaksi kompleks antara manusia, kera, nyamuk dan alam sekitar.

"Cabaran ini amat relevan kepada Sabah. Kekayaan biodiversiti serta interaksi rapat antara masyarakat, hidupan liar dan persekitaran hutan bermakna kita perlu melihat melangkaui pendekatan tradisional dalam kawalan malaria.

"Usaha menangani malaria zoonotik memerlukan pengawasan, penyelidikan dan kawalan vektor, di samping pemahaman mengenai hidupan liar dan perubahan alam sekitar.

"Paling penting, ia memerlukan kerjasama merentas sektor. Di sinilah pendekatan Satu Kesihatan atau 'One Health' (satu rangka kerja bersepadu dan kolaboratif yang mengiktiraf saling kebergantungan antara kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar) amat penting.

"Sebagai Pro-Canselor UMS, saya berbangga bahawa penubuhan pusat ini menghimpunkan kekuatan UMS, WHO, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) serta rakan kerjasama nasional dan antarabangsa," jelasnya.

Dalam pada itu, pihaknya mahu memastikan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal dan tindakan kesihatan awam, di samping melabur dalam pembangunan penyelidik muda dan profesional kesihatan yang akan meneruskan usaha ini pada masa hadapan.

Hajiji berkata, Kerajaan Negeri Sabah memberikan sokongan padu kepada inisiatif yang memajukan penyelidikan, inovasi dan kerjasama antarabangsa.

Menurutnya, pusat berkenaan menunjukkan bagaimana sebuah institusi yang berpangkalan di Sabah mampu menyumbang kepada agenda kesihatan awam antarabangsa.

Katanya, ia juga boleh membantu meletakkan Sabah sebagai platform serantau bagi kerjasama dalam malaria zoonotik dan pendekatan Satu Kesihatan.

"Pengalaman Sabah boleh menawarkan pengajaran kepada negara-negara yang berdepan cabaran sama, sebagaimana kita juga boleh belajar daripada rakan serantau dan antarabangsa. Pertukaran ilmu dan kepakaran ini akan memperkukuh kita semua.

"Tahniah kepada UMS, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo atas pencapaian penting ini. Syabas dan tahniah," katanya.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Promosi Kesihatan, Pencegahan dan Kawalan Penyakit, WHO WPRO, Dr Huong Thi Giang Tran dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansur.



SIMBOLIK: Mandela (kanan) menyaksikan upacara penyingkapan dan menandatangani plak WHO CC oleh Huong dan Kasim sempena Majlis Perasmian Pusat Kolaborasi WHO Bagi Malaria Zoonotik, BMHRC di UMS, semalam.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 3 PRINTED SIZE: 371.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,006.00 ITEM ID: MY0071313908



29 SEP, 2026

Pengiktirafan terhadap kepakaran dan sumbangan UMS

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

Pembukaan Pusat Kerjasama WHO Malaria Zoonotik merupakan pencapaian penting bagi UMS dan Sabah, kata Hajiji
KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor menyifatkan pembukaan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai satu penca paian penting bagi Sabah. Katanya, pembukaan pusat itu turut mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria, khususnya kajiannya mengenai Plasmodium knowlesi.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.